



PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN  
JALAN PEGAWAI, 77000 JASIN, MELAKA  
TEL : 06-5292878 / 5292664 / 5296901 / 5293932  
FAKS : 06-5291037  
E-MAIL: [ppdjas@mel.moe.gov.my](mailto:ppdjas@mel.moe.gov.my)  
PORTAL PPD : <http://www.ppdjasin.edu.my>



*Fail / Dekat*

Ruj Kami : PPDJ.UKPP.PT.100-20(02)

Tarikh : 02 FEBRUARI 2010

Kepada :

Semua Pengetua / Guru Besar  
Sekolah Di Daerah Jasin

Tuan / Puan,

### **SENARAI JAWATANKUASA SKPM DAN RANCANGAN PEMAJUAN SEKOLAH BERDASARKAN KEPUTUSAN PKS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Bersama-sama ini disertakan surat edaran Kementerian Pelajaran Malaysia KP(JNJK) 1100/4/C(36) bertarikh 10 Disember 2009 berhubung Penarafan Kendiri Sekolah Berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)

3. Pihak Pejabat Pelajaran Daerah Jasin ingin memaklumkan kepada semua Pengetua / Guru Besar untuk mewujudkan satu Jawatankuasa SKPM bagi menentukan tugas ahli yang terlibat dalam mencapai sasaran Skor SKPM sekolah masing-masing. Senarai ahli JK SKPM serta tugas ahli hendaklah di hantar ke PPD Jasin mengikut format yang telah ditetapkan (Lampiran A) dan diharapkan pihak sekolah dapat menyediakan Rancangan Pemajuan Sekolah yang telah dinyatakan dalam proses aliran seperti yang terdapat dalam lampiran B dan C pada atau sebelum 18 Februari 2010 ke unit NKRA En. Nadjamudiin atau Pn. Hana Dayanti.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
.....  
( En. Yusof B. Ahmad )  
Pegawai Pelajaran Daerah  
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin

s.k. Fail Timbul



Ruj. Kami : KP(JNJK)1100/4/C(36)  
Tarikh : 10 Disember 2009

Semua Pengarah Pelajaran Negeri  
Jabatan Pelajaran Negeri  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PENARAFAN KENDIRI SEKOLAH BERASASKAN STANDARD KUALITI  
PENDIDIKAN MALAYSIA (SKPM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pelaksanaan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) adalah untuk mengukur prestasi sekolah secara menyeluruh. PKS membolehkan sekolah mengenal kekuatan, kelemahan dan cabaran yang perlu dihadapi supaya tindakan dan usaha penambahbaikan dapat dilaksanakan. Pada setiap tahun pihak sekolah diminta untuk mengemukakan PKS kepada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sebelum 31 Mei tahun yang berkenaan.

3. Pada tahun 2009, kerajaan telah memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA). Salah satu Sub-NKRA Pendidikan ialah Tawaran Baru/*New Deals* kepada Pengetua dan Guru Besar berdasarkan pencapaian berasaskan penilaian (*Performance Based Assessment*). Dalam menilai pencapaian tersebut, PKS berasaskan SKPM telah dijadikan sebahagian daripada alat ukur yang utama.

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah diminta untuk mengemukakan keputusan PKS tahun 2009 secara 'online' melalui laman web [www.moe.gov.my/nkra](http://www.moe.gov.my/nkra) mengikut tarikh yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah. Di samping itu rumusan keputusan PKS (*hardcopy*) juga hendaklah dikemukakan kepada JNJK Negeri melalui PPD masing-masing mengikut tarikh yang sama.

Sekolah	Tarikh Mengisi PKS Secara Online	
	Penilaian PKS 2009	Penilaian PKS 2010
Sekolah Rendah	15-21 Disember 2009	15-21 Disember 2010
Sekolah Menengah	5-9 April 2010	5-9 April 2011

5. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, keputusan PKS yang dikemukakan oleh sekolah-sekolah pada bulan Mei 2009 yang lalu adalah berdasarkan pencapaian sekolah pada tahun 2008. Keputusan PKS yang dikemukakan oleh sekolah mengikut tarikh dalam jadual di atas merupakan pencapaian sekolah sepanjang tahun 2009 yang dijadikan asas dalam penilaian Tawaran Baru/ *New Deals* kepada Pengetua dan Guru Besar.

6. Pihak sekolah diminta untuk melaksanakan PKS dengan telus dan teliti supaya keputusannya akan dapat menggambarkan prestasi dan situasi sekolah dengan tepat. Adalah menjadi tanggungjawab semua pengetua dan guru besar untuk memastikan Jawatankuasa SKPM Sekolah berfungsi dengan baik bagi melaksanakan penilaian ini. Proses aliran kerja SKPM tahun 2009 adalah seperti yang dilampirkan.

7. Pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga diminta untuk mengambil tindakan segera supaya kandungan surat ini dimaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri/ Pejabat Pelajaran Daerah/ Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN MOHD DOM**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin  
Menteri Pelajaran Malaysia

Y.B. Dato' Dr. Ir. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

Y.B. Dr. Mohd Puad Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua-Ketua Nazir Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia

**PROSES ALIRAN KERJA PELAKSANAAN SKPM-SEKOLAH**

	<b>PROSES</b>	<b>Sekolah Rendah</b>	<b>Sekolah Menengah</b>
1	Sekolah mengadakan mesyuarat JK SKPM untuk menentukan tugas ahli.	November 2009	November 2009
2	Sekolah melaksanakan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS-penilaian pencapaian 2009)	November-Disember 2009	Januari 2010
3	Sekolah melengkapkan PKS dengan memasukkan maklumat daripada keputusan peperiksaan awam terkini.	Disember 2009	April 2010
4	Keputusan PKS ditetapkan	Disember 2009	April 2010
5	Rumusan skor PKS dihantar secara <i>online</i> melalui laman web <a href="http://www.moe.gov.my/nkra">www.moe.gov.my/nkra</a>	15-21 Disember 2009	5-9 April 2010
6	Salinan <i>hard copy</i> Rumusan Keputusan PKS dihantar ke JNJK melalui PPD masing-masing	Disember 2009	April 2009
7	Sekolah mendokumenkan keputusan PKS yang telah lengkap dan disimpan untuk rujukan sekolah dan untuk semakan Pemeriksaan Verifikasi JNJK	Januari 2010	Jun 2010
8	Sekolah menyediakan Rancangan Pemajuan Sekolah berdasarkan keputusan PKS	Januari 2010	Februari -Mei 2010
9	Sekolah melaksanakan Rancangan Pemajuan Sekolah	Februari-Oktober 2010	Februari-Oktober 2010
10	Sekolah melaksanakan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS-penilaian pencapaian 2010).	November-Disember 2010	Januari dan April 2011

## Strategi Pencapaian Dalam NKRA

Sekolah:

Pengetua / Guru Besar:

Bidang	Strategi	Pelaksanaan
Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah		
Kurikulum		
Kokurikulum		
HEM		
Akademik / Pencapaian Murid		

## LAMPIRAN B

## JAWATANKUASA SKPM

JAWATAN	NAMA	FUNGSI
PENGERUSI	PENGETUA / GURU BESAR	**
TIMBALAN PENERUSI	GPK 1	**
SETIAUSAHA	GPK HEM	**
AHLI JAWATANKUASA	GPK KOKU GURU DATA / ICT	**

\*\* Fungsi untuk setiap jawatan mestilah berdasarkan elemen-elemen yang ditetapkan dalam lampiran.  
(Sila rujuk lampiran C)

DIMENSI	ELEMEN
<b>DIMENSI I : HALA TUJU KEPIMPINAN</b>	E01 : Visi dan Misi
	E02 : Kepimpinan
<b>Jumlah DIMENSI I</b>	
<b>DIMENSI II : PENGURUSAN ORGANISASI</b>	E03 : Struktur Organisasi
	E04 : Perancangan
	E05 : Iklim
	E06 : Pengurusan Sumber
	E07 : Pengurusan Maklumat
<b>Jumlah DIMENSI II</b>	
<b>DIMENSI III : PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN</b>	E08 : Pengurusan Program Kurikulum, Kokurikulum & HEM
	E09 : Pengajaran dan Pembelajaran
	E10 : Pembangunan Sahsiah Murid
E11 : Penilaian Pencapaian Murid	
<b>Jumlah DIMENSI III</b>	
<b>DIMENSI IV : KEMENJADIAN MURID</b>	E12 : Kemenjadian Murid Dalam Akademik, Kokurikulum dan Sahsiah